

Penggunaan Aplikasi Flipgrid Dalam PdP Interaksi Lisan

Hanizah Abu Samah

hanizah_abu_samah@schools.gov.sg

Norfadilah Sufke

norfadilah_sufke@schools.gov.sg

CHIJ Our Lady of the Nativity

Abstrak

Keupayaan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bergantung kepada pemilihan strategi pengajaran guru. Guru perlu bijak dalam memilih pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai. Keberkesanan pengajaran bergantung pada pembelajaran yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, serta dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan berkesan. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran interaksi lisan dalam kalangan murid-murid Darjah 5. Seramai 15 orang murid telah terlibat dalam Kajian Pengajaran ini. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa murid lazimnya menerangkan video yang ditonton dengan ringkas tanpa struktur yang tersusun. Dengan penggunaan aplikasi *Flipgrid*, murid dapat bertutur dengan yakin, memberi pandangan dan maklum balas kepada rakan sekelas. Secara keseluruhan, guru-guru mendapati bahawa penggunaan aplikasi *Flipgrid* mampu melibatkan murid secara aktif dan dapat menjawab soalan interaksi lisan dengan lebih yakin .

Kata Kunci : interaksi iisan, kemahiran bertutur, aplikasi *Flipgrid*



PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi dan perantara manusia. Bahasa pertuturan digunakan di sekolah sebagai alat komunikasi. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah adalah interaksi sosial yang paling berpengaruh. Hal ini kerana guru berinteraksi dengan murid hampir setiap hari.

Interaksi lisan yang berkesan dalam bilik darjah menjadi satu medium bagi penguasaan kemahiran lisan murid. Interaksi ialah tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Kepentingan interaksi lisan dan alat pembelajaran perlu diambil kira dalam perancangan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah. Oleh itu, guru mestilah memberikan peluang yang secukupnya untuk murid berinteraksi secara lisan dengan meluas.

Pada umumnya, usaha untuk melengkapkan murid dengan kemahiran dan kecekapan dalam kemahiran lisan merupakan satu cabaran kerana murid lebih terdedah kepada penggunaan bahasa Inggeris pada masa kini. Oleh itu, pengajaran lisan tidak seharusnya sekadar menunjukkan dan menekankan proses pertuturan yang baik sahaja tetapi merupakan proses yang memerlukan struktur yang dapat membimbing murid untuk bertutur dengan teratur dan padat. Dengan ini, murid dapat terlibat dalam proses pembelajaran secara aktif.

PERNYATAAN MASALAH

Pada masa ini, timbul cabaran untuk mempertingkatkan kemahiran berbahasa dan pengetahuan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Hal ini disebabkan murid yang lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama menyebabkan kemahiran dan pengetahuan bahasa Melayu dalam kalangan murid terbatas. Berdasarkan maklum balas daripada murid, hampir 100% murid Darjah 5 ini lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris di sekolah dari di rumah sebagai bahasa komunikasi. Murid juga tidak berminat langsung kepada bahan bahan bacaan dan media massa dalam bahasa Melayu. Ternyata hal ini menjadikan pencapaian murid dalam komponen lisan. Antara masalah yang dihadapi murid ialah penguasaan kosa kata yang amat terhad, kurang memahami soalan yang dikemukakan dalam aktiviti lisan atau bertulis, kesukaran menyampaikan pendapat dan idea semasa perbincangan di dalam kelas atau semasa ujian lisan. Murid juga tidak berupaya untuk menulis ayat yang berstruktur dalam penulisan. Hal ini juga menyebabkan murid kurang yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu di dalam kelas. Murid didapati kurang memberi respons

semasa perbincangan kelas kerana ternyata murid berasa tidak yakin untuk menyampaikan pendapat. Kosa kata yang terhad juga menjadikan kelancaran pertuturan murid dan sekali gus menjadikan tahap pencapaian murid dalam peperiksaan di sekolah.

Hasil dari pemerhatian yang dijalankan guru, setiap murid mempunyai telefon bijak. Guru juga kerap menggunakan telefon bijak di dalam kelas untuk menjalankan aktiviti pembelajaran menggunakan aplikasi *Kahoot*, *mentimeter* dan e-kamus. Setiap pengajaran yang melibatkan penggunaan telefon bijak di kelas mendapat sambutan dan minat yang sungguh menggalakkan. Minat murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu tiba-tiba melonjak ke paras yang amat memberangsangkan. Berdasarkan data ini, guru berpendapat bahawa menggunakan pendekatan ICT melalui penggunaan telefon bijak adalah satu cara yang terbaik untuk menarik minat murid dalam pelajaran lisan. Oleh itu, aplikasi *Flipgrid* dalam pembelajaran lisan sebagai instrumen dalam kajian pembelajaran. Penggunaan aplikasi ini bertujuan untuk memberi peluang dan galakkan kepada murid menggunakan bahasa Melayu dalam situasi yang lebih santai dan tanpa tekanan menggalakkan murid menggunakan ICT serta mendapat ruang untuk berfikir sebelum menyampaikan pendapat semasa perbincangan tentang topik yang diberi. Murid dapat menggunakan aplikasi *Flipgrid* ini melalui telefon bijak, iPad atau komputer riba di rumah atau di mana-mana sahaja untuk menyelesaikan tugas yang diberi.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif utama, iaitu untuk:

1. meneliti keberkesanan penggunaan aplikasi ‘*Flipgrid*’ dalam meningkatkan kemahiran lisan; dan
2. meninjau kebolehan murid bertutur dalam bahasa Melayu secara spontan dan yakin

KAJIAN LEPAS

Masyarakat abad yang ke-21 merupakan masyarakat yang berorientasikan sains dan teknologi serta menggunakan prasarana teknologi maklumat terkini dalam kehidupan sehari-hari. Juriah Long et al (2001) menyatakan bahawa kemajuan sains dan teknologi turut tempias ke sektor pendidikan. Sistem pendidikan di seluruh dunia telah banyak mengalami perubahan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan dunia globalisasi ini.

Dengan perkembangan teknologi yang kian meluas, integrasi ICT

dalam pembelajaran sering digunakan oleh guru-guru di sekolah. Guru harus bijak memilih kaedah ICT bagi menepati objektif dan konteks pengajaran dan mengubah suai bahan sedia ada ataupun membangunkan persekitaran yang sesuai bagi memastikan penglibatan murid dalam pembelajaran.

Menurut Woodruff dan Brett (1993), komunikasi penulisan akan lebih efektif jika bergabung dengan komunikasi bersemuka kerana komunikasi sedemikian memerlukan pemikiran secara ekstensif. Jonassen (2008) juga berpendapat bahawa pembelajaran murid juga akan lebih bermakna jika mereka terlibat secara aktif dan membuat refleksi pengalaman dengan bercerita semula. Ini mendorong guru-guru untuk menggunakan aplikasi *Flipgrid* dalam kajian. Murid bukan sahaja mempunyai ruang untuk meluahkan pendapat dan membuat renungan dengan menggunakan kosa kata yang sesuai, mereka juga dapat menilai dan memberi pandangan tentang kerja kawan sedarjah mereka. Secara tidak langsung, ini dapat memberi keyakinan yang lebih untuk mereka belajar daripada kekurangan mereka dalam berkomunikasi.

Selain mempunyai tahap pengetahuan isi kandungan Bahasa Melayu yang baik, guru juga perlu memahami faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pilihan struktur dan strategi yang mereka lakukan termasuk sekitaran fizikal dan psikososial, keperluan pembelajaran murid dan profil murid yang berbeza-beza. Ini selaras dengan model Amalan Pengajaran Singapura (STP). Model STP yang dibina ini dapat membimbing dan mengukuhkan pembelajaran dan pengajaran secara berkesan. Model STP juga dapat membantu setiap murid menjadi lebih yakin dan reflektif dalam amalan pengajaran. Justeru itu, membantu setiap murid belajar dengan baik dan meningkatkan rasa seronok dalam proses pembelajaran.

KAEDAH KAJIAN

Bagi mengajar komponen interaksi lisan kepada murid yang belum terdedah kepada sukatan pelajaran yang baharu, guru harus terlebih dahulu menerangkan kepada murid tentang struktur sukatan baharu tersebut sebelum menjalankan kajian ini. Perkara ini penting kerana terdapat kemahiran-kemahiran baharu yang perlu dibiasakan murid semasa aktiviti interaksi lisan dijalankan. Sebelum ini, murid hanya terdedah kepada perbincangan tentang gambar untuk komponen lisan. Namun, disebabkan oleh pembaharuan dalam sukatan pembelajaran, murid-murid perlu tahu tentang pertukaran penggunaan video dalam interaksi lisan. Soalan rangsangan yang akan ditanyakan semasa ujian lisan juga berlainan dengan perbualan gambar. Maka, murid perlu diperkenalkan kepada jenis-jenis soalan ujian lisan. Guru juga perlu memikirkan aktiviti-aktiviti yang sesuai bagi pengajaran untuk mendedahkan murid kepada kaedah interaksi

lisan tersebut. Setelah itu, guru boleh menjalankan kajian kerana mereka sudah terdedah kepada tuntutan peperiksaan. Guru juga perlu menyediakan aplikasi ICT yang sesuai bagi menyokong pembelajaran murid. Penilaian juga perlu dipersiapkan agar pembelajaran murid lebih berkesan kerana mereka memberi maklum balas kendiri dan rakan sebaya.

Bagi mencapai objektif pengajaran, pendekatan pengajaran eksplisit telah digunakan sebagai panduan semasa rancangan pengajaran dilakarkan. Memandangkan ramai murid belum terbiasa dengan format lisan yang baharu, pendekatan eksplisit didapati sesuai digunakan. Langkah pertama guru melakukan tunjuk cara Kemudian, guru dan murid melakukan bersama dalam latihan terbimbing di mana murid akan melakukan aktiviti secara berkumpulan atau kelas dengan bimbingan guru. Selepas itu, murid dikehendaki melakukan aktiviti secara kendiri. Kajian ini juga menggunakan strategi pembelajaran kooperatif di mana guru menggalakkan murid berinteraksi melalui rutin berfikir Berfikir-Berpasangan-Berkongsi agar aktiviti yang dijalankan lebih berinteraktif. Aplikasi *Flipgrid* ini digunakan untuk membolehkan murid meningkatkan keyakinan diri dan menilai rakan sebaya berdasarkan persembahan rakan mereka melalui rakaman video yang dimuatnaikkan. Seperti yang dijelaskan, STP turut diambil kira dalam merancang dan melaksanakan pelajaran dan juga menilai pembelajaran murid. Sila rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan muridan	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Murid menonton video stimulus. Kemudian, murid menyenaraikan kosa kata yang boleh digunakan dalam perbincangan secara berpasangan
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja <ul style="list-style-type: none">Murid diberi peluang untuk mengutarakan pendapat terhadap persembahan rakan sebaya.murid mencatatkan pandangan dan komen mereka di lampiran yang telah diberikan oleh guru.

Penerangan dan Justifikasi	Memandangkan kumpulan murid ini merupakan golongan murid yang agak lemah, imejan telah digunakan dalam pengajaran agar dapat menarik perhatian mereka terlebih dahulu sebelum guru melanjutkan pengajaran ke tahap seterusnya. Melalui pemaparan visual, murid sedikit sebanyak memahami isi cerita dan imejan tersebut dan dapat menghasilkan beberapa pendapat berdasarkan visual yang ditunjukkan. Strategi ini menggalakkan murid untuk mempertimbangkan idea, pendapat dan perspektif mereka secara berpasangan. Murid perlu meluangkan masa secara individu terdahulu untuk memikirkan tentang soalan atau topik perbincangan yang telah diutarakan oleh guru. Melalui aktiviti ini, murid dapat berfikir dengan lebih mendalam, berkongsi perspektif dan mengartikulasikan idea mereka. Guru juga dapat memahami pengetahuan awal murid dan kekeliruan yang mereka mungkin hadapi.
----------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 15 orang murid Darjah 5 yang hampir 50% bukan penutur jati bahasa Melayu yang berada dalam tahap keupayaan aras sederhana dan aras bawah. Murid-murid ini baru sahaja diperkenalkan kepada sukanan interaksi lisan tahun ini. Secara umum murid menghadapi masalah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan dengan yakin.

Instrumen Kajian

Beberapa instrumen kajian telah digunakan sepanjang proses kajian seperti:

1. Aplikasi *Flipgrid*
2. Telefon bimbit/ I-pad
3. Senarai semak
4. Rubrik penilaian
5. borang penilaian kendiri (Pra & pasca)
6. Rakaman Video
7. bahan bacaan

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama 8 minggu dan mengambil masa selama lebih kurang dua jam seminggu.

1. Sebelum murid diperkenalkan kepada aplikasi *Flipgrid*, murid mengisi borang tinjauan prapembelajaran.

2. Sebagai permulaan pelaksanaan kajian, murid diperkenalkan kepada aplikasi serta fitur-fitur *Flipgrid* yang akan mereka gunakan. Murid diajar cara-cara menggunakan *Flipgrid* agar kajian dapat dijalankan dengan lebih mudah dan berkesan.
3. Murid digalakkan untuk menguji cuba aplikasi *Flipgrid* dengan menggunakan bahan bacaan yang telah dinaikmuatkan oleh guru. Murid merekodkan bacaan mereka di kelas secara individu. Guru dan murid sama-sama mendengar semula bacaan teman dan membuat penilaian secara rambang.
4. Sebagai perancangan, dalam pelajaran seterusnya, murid menonton video yang telah dinaikmuatkan oleh guru dan menyenaraikan kosa kata yang boleh digunakan dalam perbincangan secara berpasangan. Murid kemudian merekodkan pendapat tentang video yang telah ditonton dengan menggunakan kosa kata yang telah diperkenalkan dandibincangkan. Guru dan murid menonton rakaman dan menambah senarai kosa kata yang dipelajari daripada rakaman teman-teman lain. Guru memberi contoh-contoh kosa kata yang boleh digunakan untuk memperkayakan senarai kosa kata murid.
5. Murid diberi tugasan menggunakan *Flipgrid* di rumah sebagai latihan latih tubi agar mereka lebih selesa dan yakin merakamkan pendapat tentang topik-topik yang diberikan.
6. Pada minggu ke 7-8, murid diberi tugasan untuk merakamkan pendapat mereka tentang video yang ditonton dengan berpandukan soalan-soalan yang diberikan. Murid menilai rakaman kawan secara pasangan danindividu. Guru berkongsi penilaian yang diberikan murid di kelas.
7. Murid mengisi borang pascapembelajaran. Guru dan murid membuat refleksi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah kajian ini dijalankan, guru-guru telah membuat analisis borang prapembelajaran dan pascapembelajaran. Guru juga telah mendapatkan reaksi murid serta menilai hasil kerja murid. Guru mengumpul data melalui pemantauan, maklum balas murid di akhir setiap pembelajaran serta pas keluar. Guru-guru berbincang dan menyediakan rancangan pelajaran seterusnya untuk memastikan pengajaran menggunakan aplikasi *Flipgrid* yang seterusnya

lebih menarik dan berkesan. Penilaian kendiri, secara berpasangan serta penilaian secara kelas juga digunakan sebagai panduan untuk membincangkan kekuatan dan keberkesanan penggunaan aplikasi *Flipgrid*.

Berdasarkan pemerhatian guru, penglibatan murid dalam perbincangan kelas semakin meningkat dan murid juga lebih berkeyakinan semasa menyampaikan pendapat. Secara umum, murid lebih bersemangat dan lebih berminat dalam aktiviti lisan. Murid juga telah menunjukkan kolaborasi yang lebih baik dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Penggunaan aplikasi *Flipgrid* dalam memberi maklum balas terhadap prestasi rakan-rakan ternyata amat baik. 100% murid telah memberi maklum balas melalui *Flipgrid*. Dengan adanya maklum balas yang diberikan oleh rakan sekelas, murid lebih terbuka dan gigih untuk mempertingkatkan diri. Murid dapat mengukur prestasi mereka setelah melihat persembahan teman sekelas dan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan serta motivasi dalam diri murid untuk menjadi lebih yakin terhadap kebolehan masing-masing.

Yang lebih menarik lagi, aplikasi ini juga dapat melibatkan para ibu bapa. Ibu bapa juga dapat memberikan maklum balas mereka terhadap prestasi yang telah ditunjukkan oleh anak-anak dan rakan-rakan mereka.


Walaupun aplikasi ini digunakan sebagai wadah latihan bagi komponen lisan, ternyata setelah murid menggunakan aplikasi *Flipgrid* ini, murid berasa lebih yakin apabila memberi pendapat di kelas dengan guru dan rakan-rakan di kelas. murid berasa lebih selesa dan lebih positif kerana mereka merasakan tahap Bahasa Melayu mereka agak sama dengan rakan-rakan mereka yang lain. Murid juga dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri mereka serta rakan-rakan murid yang lain. murid juga dapat belajar daripada rakan-rakan mereka melalui rakaman video yang dimuatnaikkan ke dalam aplikasi *Flipgrid* ini.

Analisis keputusan murid juga telah dilakukan. Markah keputusan akhir tahun murid bagi tahun 2018 menunjukkan peningkatan markah yang positif jika dibandingkan dengan keputusan peperiksaan lisan pertengahan tahun.

Jadual 2 : Taburan Peratusan Markah Murid

Julat Markah	SA1	%	SA2	%
45 - 50	2	13.4	3	20
40 – 44	4	26.6	7	46.6
35 – 39	3	20	3	20
30 – 34	4	26.6	0	0
25 – 29	0	0	1	6.7
Bawah 24	2	13.4	1	6.7
Jumlah	15	100	15	100

Rajah 1: Perbandingan Pencapaian Murid SA1 dan SA2



KESIMPULAN

Dalam era digital ini, murid sudah terdedah dan terlibat dalam pelbagai bentuk komunikasi digital. Penggunaan telefon bijak khususnya dan ICT amnya, dapat meningkatkan minat murid dalam pembelajaran dan pengajaran.. pada masa yang sama meningkatkan keyakinan diri murid dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Selain daripada itu, melalui penggabungan perisian seperti tayangan klip video, *kahoot* dan bahan-bahan *YouTube* berjaya menarik minat murid untuk lebih giat berinteraksi dalam bahasa Melayu dengan teman dan guru-guru semasa aktiviti kelas dijalankan.

Penggunaan aplikasi *Flipgrid* ternyata bukan sahaja lebih berkesan dan dapat menerapkan keseronokan, malah dapat meningkatkan keyakinan diri dan kolaborasi dalam kalangan murid dalam pembelajaran lisan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Illiany Suhaily Mohamed Juhri

RUJUKAN

Juriah Long, et. Al . (2001). Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa(Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab) abad ke 21. Laporan Akhir Kajian Jangka Pendek G2/99 . Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.

Jonassen, D., Howland, J., Marra, R.M. & Chrismond, D. (2008). Meaningful learning with Technology. Pearson Prentice Hall, New Jersey, USA.

Woodruff, E & Brett, C (1993). Fostering scholarly collaboration in young children through the development of electronic commenting. Research Education, 50, 83-95

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

http://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/qql/slot/u181/KhazanahIlmu/Program_Persidangan_Serantau/49_Kajian_Pengajaran_Meningkatkan_Kemahiran_Bertutur_bagi_Murid_Sekolah_Rendah.pdf

http://jurnalarticle.ukm.my/6370/1/42-51_Rasid_et_al.UPM.pdf